



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT OF MALAYSIA

Bahagian Perkhidmatan

Service Division

Aras 1, 6 & 7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-8000 8000  
Faks (Fax): 603-8889 2205 / 2204 / 2202  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/85 (127)

Tarikh : 25 Januari 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **PERSEDIAAN PENGISIAN 5 KEKOSONGAN JAWATAN SETIAUSAHA PEJABAT GRED N36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI MAHKAMAH PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang dalam proses persediaan **pengisian 5 kekosongan jawatan Setiausaha Pejabat Gred N36 di Mahkamah Persekutuan** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat Setiausaha Pejabat Gred N32 yang layak dipertimbangkan pemangkuan ke Gred N36 berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Tela*h dinaikkan pangkat ke Gred N32 pada atau sebelum 31 Disember 2015;*
- 2.2 *Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N32 berubah ke tarikh 1 Januari 2016 dan seterusnya;*
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi 3 tahun terkini (2014, 2015 dan 2016) **tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);

...2/

- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan, **5 kekosongan jawatan Setiausaha Pejabat Gred N36 di Mahkamah Persekutuan adalah seperti berikut:**

Bil.	Kementerian/Jabatan
1.	Mahkamah Putrajaya
2.	Mahkamah Tinggi Shah Alam
3.	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

4. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B** dan **Lampiran C** seperti disertakan.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 10 Februari 2017** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p. : **Puan Norziatulshima binti Tajuddin**)

6. Dimaklumkan juga bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agenzi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 dan 3 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh **BPSM** boleh **menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. **Puan Nor Haslina Binti Ibrahim** - 03-8885 4311  
**(haslina.ibrahim@jpa.gov.my)**
- ii. **Puan Salina Binti Ibrahim** - 03-8885 4939  
**(salina.ibrahim@jpa.gov.my)**

8. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

#### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(NORZIATULSHIMA BINTI TAJUDDIN)**  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**  
■ : 03-8885 4110  
✉ : shima.tajuddin@jpa.gov.my